

kemudahan namun ia juga menjimatkan lebih kurang 30 peratus bil telefon talian tetap.

"Oleh itu, kita lihat bukan sahaja penjimatan yang dapat dilakukan malah penggunaan teknologi komunikasi yang ditawarkan dapat mempercepatkan segala proses perhubungan antara pihak yang menerima pakej ini.

"Sekiranya penjimatan ini memberi keuntungan yang lebih, kemungkinan kita akan memperluaskan penggunaannya kepada kumpulan kakitangan lain di kampus ini," ujarnya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Telefon Pintar Kepada 10 Ahli Majlis Eksekutif Universiti (MEU) di ruang Legar Canselori, di sini, semalam.

Antara mereka yang turut menerima telefon pintar Blackberry ialah penjawat pentadbiran akademik dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta staf kumpulan pengurusan UUM dalam usaha meningkatkan keberkesanan komunikasi antara UUM dengan pihak luar.

Pihak telekomunikasi Celcom menyediakan pakej yang merangkumi Blackberry Messenger dan kumpulan email dalaman UUM.

Habis.